

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2014

SOALAN :

YB Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah dan strategi yang diambil bagi memperkenalkan industri Pelancongan Kesihatan di luar negara secara agresif sebagai sebuah industri pelancongan eksklusif dan bernilai tinggi yang dapat menyumbang pendapatan kepada Kerajaan dan pengusaha hospital tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menempatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan pilihan di rantau ini. Pelbagai aktiviti promosi dan pemasaran yang rancak dijalankan di negara-negara sasaran termasuk Indonesia, China, Hong Kong, Jepun, Bangladesh, Myanmar, Cambodia, Vietnam, Oman, Emiriyah Arab Bersatu, United Kingdom, Kazakhstan dan Australia.

Salah satu pendekatan yang dilaksanakan adalah menjalinkan perhubungan dan persepakatan dengan pejabat-pejabat Misi Malaysia di luar negara serta pihak Kerajaan dan swasta di negara sasaran. Antaranya ialah Kedutaan Malaysia, Tourism Malaysia, Perbadanan pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), agensi pelancongan dan pengembaraan, fasilitator-fasilitator pelancongan kesihatan, agensi insurans, institusi kewangan dan hospital-hospital negara sasaran.

Untuk memperluaskan kesedaran mengenai perkhidmatan kesihatan di Malaysia, MHTC menyertai pameran antarabangsa di negara-negara sasaran, menyampaikan ucapan dan pembentangan di persidangan antarabangsa, serta menganjurkan pameran untuk pasaran pengguna dan sesi rangkaian *perhubungan* (*networking session*) dengan pihak-pihak berkepentingan.

MHTC juga menganjurkan Lawatan Pengenalan (*Familiarisation Visit*) untuk pihak-pihak berkepentingan luar negara yang berpotensi untuk menjalinkan hubungan perniagaan. Program ini bertujuan memperkenalkan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di samping menyediakan platfrom perhubungan di antara delegasi dan pihak hospital Malaysia. Kempen perhubungan awam (public relations) dan publisiti melalui media massa antarabangsa juga dilaksanakan sebagai usaha untuk meningkatkan visibiliti Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada strategi promosi dan pemasaran, MHTC juga memudahkan ketersediaan maklumat mengenai perkhidmatan kesihatan di Malaysia melalui laman sesawang (web portal) yang interaktif, perkhidmatan pusat panggilan (call centre), perkhidmatan pusat maklumat (medical concierge) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

MHTC juga membangunkan pakej-pakej pelancongan perubatan yang menarik untuk pesakit yang berpotensi mahupun untuk kegunaan ejen-ejen pelancongan yang berminat untuk menawarkan sebagai produk khusus kepada klien mereka. Kemudahan-kemudahan jagaan kesihatan swasta juga digalakkan memperkembangkan perkhidmatan yang ditawarkan dan mendapatkan akreditasi kesihatan untuk memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan terpelihara serta mewujudkan keyakinan pesakit-pesakit warga asing dan pihak berkepentingan.